

Menelusuri Amalan Keagamaan dalam kalangan Gelandangan Muslim

(Exploring Religious Practice among Homeless Muslim)

MD ZAWAWI ABU BAKAR, RAJWANI MD ZAIN & AZLIZAMANI
ZUBIR@SALIM

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia
E-mel: zawawi@uum.edu.my

Abstrak

Hidup bergelandangan merupakan salah satu isu sosial bagi sesebuah negara termasuklah Malaysia. Kehidupan di jalanan mendedahkan golongan ini kepada pelbagai masalah seperti kesihatan, keselamatan, kebajikan dan sebagainya. Artikel ini cuba menjelaskan berhubung aspek amalan religiositi dalam kalangan gelandangan. Aspek amalan keagamaan ini menjadi persoalan kajian memandangkan kehidupan bergelandangan dilihat sebagai suatu kesukaran untuk mempraktikkan ibadah. Justeru, kajian secara kualitatif ini telah dijalankan di Pulau Pinang, Malaysia melibatkan 11 orang responden dalam kalangan gelandangan yang beragama Islam. Kaedah temubual secara bersemuka telah dilakukan oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan borang temu bual separa struktur yang berkaitan aspek amalan dalam agama Islam. Selain itu, Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion - FGD) juga telah dilakukan bersama enam orang subjek yang terlibat secara langsung dengan isu gelandangan. Data yang diperolehi telah dianalisis secara manual iaitu menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) serta menghasilkan tema-tema tertentu bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa aspek amalan religiositi dalam kalangan gelandangan adalah rendah. Kenyataan ini hampir bertepatan dengan dapatan data FGD yang menyatakan aspek tempat tinggal dan kebersihan antara punca gelandangan tidak mempraktikkan amalan agama. Sehubungan itu, kajian mencadangkan dalam usaha menjaga kebajikan gelandangan aspek agama juga perlu dititikberatkan selain daripada bantuan berbentuk material termasuk kewangan dan makanan. Penambahan bilangan one stop centre akan membantu golongan ini untuk melaksanakan kewajipan beragama dan kebersihan diri. Selain itu, penglibatan agamawan turut diharapkan dalam melaksanakan atau merencanakan intervensi untuk golongan gelandangan.

Kata kunci: *Amalan, gelandangan, religiositi, Muslim.*

Abstract

Homeless life is one of the social issues for the country including Malaysia. It can expose these group to many kinds of problem such as health, safety, welfare and so on. These article try to highlight the religiosity practice among homeless people. This aspect had been stressed out as research questions due to their difficulties of practicing worship. Hence, the qualitative research has been conducted in Penang, Malaysia involve 11 respondents among Muslims homeless. The face to face semi structure interviews method had been done by researchers using questionnaire contained the islamic religious practice. Besides, the focused group discussion (FGD) session had been done with six subject who involve directly with homeless issues. The raw data was manually analyzed using content analysis method and in order to search specific themes for answering research questions. The findings showed that the level aspect of religiosity practice among homeless people was in low level. This finding was almost matched with the result from the FGD that stated the home and hygiene factors that lead to ignorance of religious practice. Therefore, this research suggest that religious aspect should be emphasized in order to help homeless people other than material assistance such as finance and food. The one stop centre such as 'anjung singgah' can help these homeless to proceed their duty as Muslims and their hygines. Other than that, there should be the religious people to give some Islamic interventions to them as well.

Keywords: *Religious practice, homeless, religiosity, Muslim.*

Pengenalan

Isu gelandangan merupakan salah satu masalah sosial yang melanda negara Malaysia. Hidup bergelandangan menyebabkan individu yang terlibat terpaksa hidup dalam keadaan serba kekurangan termasuk keselesaan, kebersihan, keselamatan dan privasi yang terancam. Walau bagaimanapun, sebagai seorang Islam yang *mukallaf* hidup secara gelandangan tidak dikecualikan daripada mengamalkan perintah agama. Walaupun terdapat kelonggaran tertentu yang dibolehkan seperti kaedah menunaikan solat, kaedah berwudhuk, berpuasa dan sebagainya tetapi hanya dibolehkan kepada mereka yang memenuhi syarat *rukhsah* sahaja seperti sakit dan berada dalam keadaan darurat. Dalam Islam ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah khusus iaitu fardhu ain dan ibadah umum atau fardhu kifayah (Azizah Othman, 2003). Ibadah fardhu ain adalah wajib bagi setiap individu *mukallaf* dan berdosa jika meninggalkannya. Contohnya solat lima waktu, puasa Ramadan, menunaikan zakat bagi yang mampu, mandi hadas dan sebagainya. Sebaliknya kategori umum pula adalah kelonggaran kepada umat Islam untuk melipatgandakan keimanan melalui solat sunat, puasa sunat, bersedekah dan sebagainya.

Sebenarnya aspek religiositi atau kerohanian mempunyai hubungan secara langsung dalam kehidupan setiap individu selain aspek jasmani. Dalam Islam, pegangan agama merupakan asas kepada setiap perkara dan tindakan dalam kehidupan. Ia mesti dipatuhi setiap muslim termasuklah golongan gelandangan. Kajian-kajian oleh pengkaji barat juga telah membuktikan bahawa kesejahteraan dalam aspek spiritual mempengaruhi kehidupan mereka termasuk golongan gelandangan.

Kehidupan gelandangan adalah pilihan atau tindakan yang terpaksa dibuat oleh sesetengah individu apabila berhadapan dengan masalah tertentu seperti kemiskinan, kos hidup yang tinggi, krisis keluarga dan sebab-sebab tertentu. Walaupun menyedari risiko tertentu perlu dihadapi seperti keselamatan, keselesaan, persepsi masyarakat dan kesihatan akan terjejas namun desakan kehidupan menyebabkan mereka terpaksa nekad untuk hidup dalam keadaan serba kekurangan. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia Malaysia, gelandangan adalah individu yang hidup dalam keadaan tidak sesuai dengan norma kehidupan yang layak dalam masyarakat setempat. Mereka juga tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang tetap di wilayah tertentu dan hidup melarat di tempat umum (Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, 2017).

Golongan gelandangan menjadikan kawasan kaki lima sebagai tempat tinggal mereka. Bahkan ada juga dalam kalangan gelandangan yang telah tujuh tahun hidup dijalan. Antara rutin harian yang terpaksa dijalani oleh mereka adalah tidur beralaskan kotak atau bahan terbuang, membersihkan diri (mandi) hanya ketika berkesempatan sahaja. Mudah mencari rezeki adalah antara alasan mereka terlibat sebagai gelandangan. Kehidupan tidak terurus menyebabkan mereka terdedah dengan penyakit antaranya HIV/AIDS kerana turut terjebak dalam aktiviti kurang sihat termasuk pengambilan dadah dan juga perhubungan seks secara terlarang (Harian Metro, 19 Jun 2012). Selain itu, kos hidup yang meningkat termasuk harga rumah sama ada sewa atau sewa beli yang semakin mahal menyebabkan ada sesetengah individu yang tidak mampu dan terpaksa mengambil keputusan untuk hidup bergelandangan. Terdapat dua bentuk faktor iaitu luaran dan dalaman yang mendorong seseorang terlibat sebagai gelandangan. Faktor luaran termasuk kemiskinan, tiada pekerjaan, pendapatan terlalu kecil dan tiada kemampuan untuk memiliki rumah sama ada rumah sendiri atau menyewa. Manakala faktor dalaman pula melibatkan mempunyai masalah (simptom) kesihatan mental, kekurangan sokongan/jaringan sosial, mangsa pengabaian dan penderaan pada zaman kanak-kanak dan terlibat dengan penyalahgunaan bahan (Morrell-Bellai et al., 2000).

Kajian oleh Sharifah Mariam Alhabshi dan Alifatul Kamilah (2012) mendapati antara faktor yang menyebabkan seseorang itu terjebak dengan hidup gelandangan adalah faktor tiada pekerjaan, kemiskinan, terlibat dengan penagihan dadah atau alkohol, penolakan daripada keluarga serta mempunyai

masalah mental. Jika ditinjau senario yang berlaku terutama di bandaraya, golongan gelandangan bukan hanya terdiri daripada kaum lelaki sahaja, tidak terhad kepada mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah tetapi juga melibatkan kaum wanita, malah ada yang berkeluarga. Isu gelandangan wanita yang tinggal di kaki lima bersama-sama gelandangan lelaki dikhuatiri boleh menyebabkan berlakunya masalah sosial lain seperti eksploitasi, penderaan seksual, terjebak dalam hubungan tidak sah dan sebagainya. Terdapat juga gelandangan yang terlibat dengan jenayah ragut, mencuri dan sebagainya (Harian Metro, 4 Ogos 2011).

Berdasarkan situasi semasa banyak pihak terutama NGO atau orang perseorangan yang muncul dan memberikan bantuan terutama menyediakan makanan, minuman dan pakaian kepada golongan ini. Walau bagaimanapun, masih ada ruang yang perlu diisi bagi tujuan memperbaiki kehidupan golongan yang tidak berkediaman ini. Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah dalam aspek agama. Orang yang beriman perlu melakukan kebajikan (salih) seperti sembahyang, menunaikan zakat (Al Baqarah: 277). Justeru, hidup sebagai gelandangan di jalanan dan kaki lima bangunan menyukarkan seseorang Muslim untuk melaksanakan kewajipan agama.

Selain itu, golongan gelandangan didapati sukar untuk melakukan ibadat solat disebabkan aspek kebersihan diri dan tempat solat menyebabkan ibadat tersebut diabaikan (Al Mudassir : 4). Justeru, soal kebersihan diri dan tempat tinggal amat berkaitan dalam kehidupan seorang Islam untuk beribadat kepada Allah SWT. Kegagalan dan pengabaian ibadat solat menyebabkan gelandangan terdedah kepada maksiat kerana ibadat solat mampu mencegah seseorang dari perbuatan maksiat (Al Ankabut: 45). Antara maksiat yang lazim berlaku ialah mendedah aurat, mencuri, merogol dan lain-lain.

Dari aspek kebersihan (*thaharah*) pula, gelandangan sukar membersihkan diri terutamanya apabila mereka berkeadaan wajib menyucikan diri (dalam keadaan berhadas besar seperti bersetubuh atau selepas haid bagi perempuan). Keadaan ini menyebabkan mereka berada dalam keadaan kotor dari segi jasmani dan rohani (An Nisa: 43). Bagi gelandangan yang berkeluarga, tempat tinggal (rumah) adalah termasuk dalam nafkah yang diwajibkan ke atas suami terhadap isteri dan anak-anaknya (Al Talak: 6). Kecil atau besar tempat tinggal bukan persoalannya tetapi tempat tinggal yang sempurna perlu disediakan kepada tanggungannya.

Selain itu, persoalan aurat bagi gelandangan juga perlu dititikberatkan baik gelandangan lelaki mahupun perempuan. Ia merupakan kewajipan ke atas lelaki atau perempuan samada untuk bersolat atau dalam kehidupan seharian (Al A'raf: 31 ; Al Ahzab: 59; An Nur: 31). Aurat melibatkan aspek pakaian, tempat persalinan, tempat mandi dan tempat tidur. Oleh itu, tidur di kaki lima dengan percampuran antara gelandangan perempuan dan lelaki akan mendedahkan kepada maksiat dan jenayah seperti cabul dan rogol.

Walaupun hidup bergelandangan tetapi aspek pegangan agama tidak boleh diketepikan. Selain tuntutan agama, banyak kajian yang telah dilakukan termasuklah pengkaji barat telah membuktikan bahawa pegangan dan penghayatan agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kehidupan harian. Kajian oleh Douglas, Jimenez dan Frisman (2008) mendapati kesejahteraan dalam aspek spiritual (*spiritual well-being*) mempunyai pengaruh dan kesan yang besar dalam kehidupan golongan gelandangan. Mereka yang mempunyai pegangan spritual yang rendah lebih cenderung menghadapi perasaan kemurungan, simptom trauma, gaya keibubapaan yang lemah serta mempunyai anak-anak yang mempunyai masalah tingkah laku. Kajian dalam kalangan gelandangan African-American juga mendapati mereka yang mempunyai penghayatan dan nilai spiritual yang positif menunjukkan konsep sendiri yang positif, strategi daya tindak aktif, sikap yang positif dalam aspek keibubapaan serta kepuasan apabila mendapat apa-apa bentuk sokongan sosial (Brome, Owens, Allen, & Vevaina, 2000). Individu terutama yang bergelar ibu bapa dan mempunyai anak tetapi hidup bergelandangan akan berhadapan dengan pelbagai isu termasuk memiliki penghargaan sendiri yang rendah (Swick, 2009).

Golongan gelandangan sering dikaitkan dengan aktiviti atau tabiat negatif termasuk judi, penyalahgunaan bahan, masalah ekonomi dan penderaan (Sharifah Mariam Alhabshi & Alifatul Kamilah, 2012). Situasi tersebut bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi turut berlaku di negara barat. Hal ini dibuktikan melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji. Melalui kajian yang dilakukan oleh Lowe dan Gibson (2011) di Florida, hampir keseluruhan (73 daripada 75) responden yang terlibat dalam kajian ini terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Justeru, pendedahan tentang nilai-nilai positif dan penghayatan agama yang kukuh dapat menghindari mereka daripada terus terjebak dengan tabiat negatif tersebut. Hasil kajian tersebut menunjukkan perlunya perkhidmatan dan bantuan bagi tujuan memperkukuh pegangan agama dalam kalangan gelandangan.

Kajian oleh Hodge (2012), mendapati bahawa golongan gelandangan wanita dan ibu tunggal menggunakan kerohanian untuk menghadapi tekanan terhadap nasib yang menimpa diri. Mereka mengakui bahawa antara strategi yang paling biasa digunakan untuk menangani kesukaran yang disebabkan oleh tiada tempat tinggal ialah dengan berdoa (Meadows-Oliver, 2003). Kajian Muhadi Zainuddin dan Lukman Hakim (2013) pula mendapati bahawa terdapat pelbagai motivasi kefahaman agama yang diperoleh oleh anak gelandangan yang tinggal di Rumah Singgah Deponegoro dan Rumah Singgah Ahmad Dahlan. Antaranya mereka sentiasa berdoa agar diberi kemudahan untuk mendapat rezeki. Mereka sangat yakin bahawa dengan berdoa, mereka dapat mewujudkan rasa syukur dan menyandarkan harapan agar keinginan mereka dimakbulkan. Berdoa dapat memberikan kekuatan kepada mereka agar mampu berfikiran secara sihat dan waras di samping mendekati diri

mereka dengan Tuhan. Selain itu, anak gelandangan ini menganggap bahawa, bertudung merupakan satu motivasi agar berbuat baik, bukan sebaliknya.

Nilai ibadah harus dibangunkan seiring dengan penampilan seseorang sebagai seorang muslim. Menurut mereka, seorang muslim harus mampu menjadi simbol keagamaan seperti seorang perempuan yang bertudung harus menyesuaikan tingkah laku dalam kehidupan sosial dengan simbol keagamaan yang dikenakan oleh seorang muslim. Fungsi pakaian adalah sebagai perlindungan dan menjaga ketakwaan yang tidak tertumpu pada perlindungan fizikal semata-mata malah merangkumi spiritual. Seterusnya anak gelandangan meyakini akan unsur-unsur ghaib seperti kewujudan Tuhan, malaikat, syurga, neraka serta hari kiamat (Muhadi Zainuddin & Lukman Hakim, 2013).

Menurut Washington dan Moxley (2001), ciri iman seperti solat yang kerap dapat mendorong gelandangan memikirkan kesilapan lalu dan menumpukan kepada peluang masa depan. Sembahyang dapat menjadi pengubat emosi trauma yang mendalam yang dijadikan sebagai pemulihan terapeutik. Penulis menekankan kepentingan memahami dan menggunakan iman dan kerohanian dengan lebih terperinci sebagai elemen utama sokongan peribadi dan sosial dan sumber mengekalkan dalam membantu wanita mengekalkan usaha mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Kerohanian adalah harapan seseorang dan aspirasi yang melibatkan wawasan peribadi kehidupan ke arah yang lebih baik (Washington, et al., 2009).

Satu kajian terhadap gelandangan ibu tunggal di bandar Southwestern mendapati bahawa rohani yang kurang dikaitkan dengan kesihatan mental yang merosot (Hodge et al., 2012). Satu lagi kajian terhadap gelandangan wanita di Amerika Afrika mendapati bahawa iman dan kerohanian menjadi bahagian penting untuk wanita menghadapi tekanan (Washington et al., 2008). Satu kajian terhadap gelandangan di bandar New York Bandar mendapati bahawa 93 peratus daripada mereka percaya kepada Tuhan, 63 peratus responden menyatakan bahawa mereka menganggap diri mereka memiliki agama atau rohani, 49 peratus responden menghadiri upacara ibadat dan 63 peratus responden kerap membaca buku agama (Gabbard et al., 2006).

Kajian oleh Pullido di Orange County, California mendapati bahawa 92 peratus responden mengekalkan sekurang-kurangnya satu amalan rohani, 88 peratus responden berdoa secara berterusan, dan 70 peratus responden kerap menghadiri upacara ibadat (dalam Katie Lewis, 2014). Keputusan daripada Gabbard et al. (2006) menunjukkan bahawa 85 peratus responden berdoa pada setiap hari kepada Tuhan, 31 peratus responden membaca kitab setiap hari dan 71 peratus responden membaca kitab sekurang-kurangnya seminggu sekali. Selain itu, 96 peratus responden menyatakan bahawa mereka kembali kepada Tuhan untuk mendapat kekuatan, sokongan dan panduan (Gabbard

et al., 2006). Dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan fisiologi dan keselamatan lebih diutamakan berbanding keperluan rohani dalam kalangan gelandangan wanita (Katie Lewis, 2014).

Berdasarkan sorotan karya di atas, kehidupan bergelandangan bukanlah alasan untuk tidak melaksanakan kewajipan beragama. Ia sebagai kewajipan bagi setiap Muslim yang mukallaf. Bahkan kajian lepas juga menunjukkan bahawa aspek agama dan kerohanian sebagai suatu asas penting dalam kehidupan seseorang individu selain aspek jasmani atau material. Sehubungan itu, kajian ini cuba meneroka amalan agama dalam kalangan gelandangan terpilih di lokasi kajian iaitu Pulau Pinang.

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif berikut:

1. meneroka amalan religiositi dalam kalangan muslim yang hidup bergelandangan di jalanan.
2. menganalisis penglibatan golongan gelandangan Muslim dengan aktiviti yang bercanggah dengan ajaran Islam

Metode Kajian

Metod kajian ini adalah berbentuk penyelidikan kualitatif. Jenis kajian yang digunakan pula adalah kajian penerokaan. Bentuk kajian kualitatif telah ditetapkan oleh kumpulan penyelidik setelah membuat perbincangan dengan pihak UNGGAS iaitu salah sebuah NGO yang bergiat aktif di Pulau Pinang dan terlibat dengan golongan gelandangan.

Lokasi kajian ini telah dijalankan di Pulau Pinang iaitu melibatkan lokasi yang menjadi tumpuan gelandangan berbangsa Melayu iaitu di Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Aceh, dan KOMTAR. Seramai 11 orang telah ditemu bual secara bersemuka. Semasa proses pengumpulan data dijalankan, terdapat lebih ramai gelandangan yang didekati oleh kumpulan penyelidik. Walau bagaimanapun, tidak semua gelandangan adalah beragama Islam sedangkan fokus kajian ini adalah gelandangan yang beragama Islam. Selain itu, terdapat juga gelandangan yang beragama Islam enggan untuk ditemu bual atau tidak memberikan kerjasama untuk ditemu bual. Justeru, kumpulan penyelidik berjaya mendapatkan 11 orang sebagai responden. Temu bual telah dijalankan secara berstruktur. Soalan-soalan yang ditanya adalah bagi menjawab objektif kajian iaitu berkaitan aspek kefahaman dan amalan agama. Data diperolehi seterusnya dianalisis secara manual bagi menjawab persoalan kajian.

Manakala bagi subjek yang terlibat untuk *Focus Group Discussion (FGD)* adalah seramai enam orang. Mereka adalah terdiri daripada kakitangan Jabatan

Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang biasa terlibat dan menguruskan kes-kes gelandangan. Berikut senarai responden FGD kajian iaitu:

1. Subjek 1 - Kakitangan JKM
2. Subjek 2 - Kakitangan Hospital
3. Subjek 3 - Kakitangan JKM
4. Subjek 4 - Kakitangan Hospital
5. Subjek 5 - Kakitangan JKM
6. Subjek 6 - Kakitangan JKM

Dapatan Kajian

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan ke atas 11 orang gelandangan yang beragama Islam, kesemua mereka terdiri daripada kaum lelaki, berusia antara 50 hingga 66 tahun. Ada antara mereka yang telah hidup bergelandangan sehingga tempoh 20 tahun, tetapi terdapat juga responden yang baharu sahaja menjalani kehidupan sebagai gelandangan iaitu dalam tempoh tiga bulan. Secara keseluruhannya, latar belakang responden kajian adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1.

Jadual 1

Profil Responden dalam kalangan Gelandangan

No	Jantina	Umur	Taraf perkahwinan	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan	Tempoh bergelandangan
1	L	57	Kahwin	SPM	Pengawal keselamatan	RM700	3 tahun
2	L	60	Kahwin	SRP/LCE	Kayuh beca	RM500	2 tahun
3	L	66	Kahwin	SPM	-	-	6 tahun
4	L	50	Bercerai	SRP	Buruh binaan	RM500	5 tahun
5	L	54	Kahwin	SRP	Pencuci pinggan	RM650	5 tahun
6	L	70	Duda	SRP	-	-	6 tahun
7	L	57	Bujang	SPM	Pelukis jalanan	Tidak menentu	20 tahun
8	L	59	Bujang	SRP	Pengawal keselamatan	RM1700	20 tahun
9	L	50	Bujang	SPM	Kayuh beca	RM300	5 tahun
10	L	53	Bujang	SRP	Pengawal keselamatan	RM1600	3 bulan
11	L	57	Duda	Tiada	-	-	6 bulan

Berdasarkan data temu bual yang dianalisis, responden dalam kajian ini masih lagi mempraktikkan amalan agama mereka. Namun demikian jika

dilihat pada jawapan yang diberikan, menunjukkan mereka lebih mengabaikan tuntutan kewajipan sebagai seorang Muslim (Rujuk Jadual 2).

Jadual 2

Aspek Amalan Agama dalam Kalangan Gelandangan Terpilih

No.	Penyataan	Ya	Tidak
1	Saya menunaikan solat lima waktu sehari	1	10
2	Saya tidak kisah meninggalkan solat	8	3
3	Saya tidak meninggalkan puasa ketika bulan Ramadhan	4	7
4	Saya tidak bersentuhan antara lelaki/perempuan mahram	8	3
5	Saya tidak mandi wajib kerana tiada air yang mencukupi	3	8
6	Saya pernah meminum minuman keras/alkohol	2	9
7	Saya pernah membeli nombor ekor	3	8
8	Saya pernah terlibat dengan pertaruhan	1	10
9	Saya akan pastikan rezeki yang diperoleh adalah halal	8	3
10	Saya merasa menyesal dengan kehidupan begini	0	11

Berdasarkan Jadual 2, beberapa aspek amalan agama dalam kalangan gelandangan diperoleh. Ia melibatkan 10 item berhubung aspek kewajipan dan larangan bagi setiap Muslim. Dalam kewajipan solat, seramai sepuluh orang responden menyatakan tidak menunaikan solat lima waktu sehari manakala seorang responden tidak meninggalkan solat lima waktu sehari. Seramai lapan orang responden tidak kisah meninggalkan solat fardhu. Dalam Islam, solat adalah tiang agama dan mampu membendung seseorang itu daripada melakukan maksiat (Al Ankabut: 145). Memetik pernyataan responden berhubung tidak menunaikan solat;

“Sembahyang tu ada la...tapi macam-macam tu la hahahaha... banyak tak buat” (R3).

Sebaliknya bagi yang menunaikan solat, hidup bergelandangan bukanlah alasan untuk tidak solat. Ini kerana di persekitaran mereka terdapat masjid bagi menunaikan rukun Islam itu. Merujuk kepada pernyataan responden berikut;

“Biasa pukul 5.30 saya dah bangun..pergi jemaah di masjid tu. Saya suka duduk sini sebab senang...dekat dengan masjid. Selamat pun selamat. Saya tak minta sedekah...” (R11).

Dalam ibadat puasa pula, seramai tujuh orang responden meninggalkan puasa Ramadan berbanding empat yang berpuasa. Ini berdasarkan pernyataan responden iaitu;

“Bulan puasa kita kayuh beca juga..puasa juga. Tapi kalau panas sangat kita buat separuh hari saja..kita buka puasa..tak tahan panas..letih. biasa pun kita tak larat nak puasa..macam mana nak puasa nak kayuh beca lagi. Tak kayuh beca mana nak dapat duit nak bayar sewa beca RM5 sehari...” (R1).

Dari sudut hubungan berlainan jantina dengan bukan mahram, lapan responden tidak mengamalkannya, manakala tiga orang responden ada berhubungan dengan pasangan bukan mahram. Tiga responden menjelaskan mereka tidak mandi wajib apabila tiada air yang cukup, manakala lapan responden akan berusaha untuk mandi hadas dalam keadaan sedemikian (Rujuk Jadual 2). Jawapan seorang responden menggambarkan kepayahan hidup dijalanan untuk melunaskan tuntutan asas untuk beribadat seperti mandi wajib dan ibadat yang lain.

“Puasa kita tak tinggal...Cuma ada la sesekali tu biasalah. Tang solat tu hahahaha payah sikit la... ye lah kita duduk macam ni payah nak solat...”(R7).

“Bab lain-lain judi ka minum ka pompuan ka kita tak biasa...kita tak main. Tapi kita mengaku la kita tak sembahyang...”(R8).

Dalam aktiviti seharian, dua orang responden mengambil minuman keras atau alkohol manakala sembilan orang responden tidak mengambilnya. Dalam aspek pendapatan pula, responden seramai lapan orang tidak membeli nombor ekor, sepuluh orang tidak terlibat dengan pertaruhan dan lapan orang responden memastikan rezeki yang diperoleh adalah halal. Merujuk kepada pernyataan responden-responden berikut;

“Hidup macam ni pun kita pastikan makan minum halal... Sembahyang kadang buat kadang tak buat...” (R9).

“Tikam nombor, judi kita tak buat. Minum tu ada jugak nak hilang bosan. Pasal sembahyang tu tak peduli sangat. Puasa pun...tak kot...” (R4).

“Pernah jugak cuba-cuba nasib beli nombor mana tau kot-kot rezeki kena...”(R10).

Soalan terakhir penyelidik adalah berhubung penyesalan dengan kehidupan sebagai gelandangan, semua responden tidak berasa menyesal dengan keadaan hidup mereka. Mereka dilihat pasrah dan redha dengan jalan hidup yang dipilih. Reaksi semasa sesi temu bual berlangsung menunjukkan tiada kekesalan di riak wajah tua mereka. Jika merindui keluarga, bagi responden yang berkeluarga mereka akan melawat bahkan ada responden yang enggan berhubung dengan keluarga kerana seolah-olah menyusahkan hidup mereka.

Manakala dapatan dari FGD berhubung amalan agama gelandangan berdasarkan Jadual 3 di bawah. Dapatan daripada subjek yang terlibat dengan gelandangan ini menyokong dapatan temu bual penyelidik bersama responden dalam kalangan gelandangan.

Jadual 3

Amalan Agama Gelandangan menurut Subjek FGD

Subjek	Penyataan
Subjek 2	Kehidupan bergelandangan di jalanan tidak sesuai untuk mengamalkan ibadah.
Subjek 1	Kebanyakan gelandangan tidak mengamalkan ibadah.
Subjek 2	Persoalan untuk melakukan ibadah bagi gelandangan ialah aspek kebersihan diri mereka dan tempat tinggal.
Subjek 3	Kebersihan tempat tinggal untuk mereka melaksanakan ibadat.
Subjek 3	Ada masjid dan surau yang memberi kebenaran tinggal dan beribadat kepada gelandangan.
Subjek 2	Ada gelandangan yang solat.
Subjek 4	Sebahagian yang solat yang macam ni (rujuk mangsa banjir yang menjadi gelandangan).

Jadual 3 menunjukkan beberapa perkara berhubung amalan agama gelandangan seperti mereka kebanyakannya tidak mengamalkan ibadah (Subjek 1). Namun demikian, Subjek 2 menyatakan terdapat gelandangan yang bersolat. Pandangan sedemikian juga dinyatakan oleh Subjek 4 khususnya gelandangan dalam kalangan mangsa banjir Pantai Timur dan memilih hidup bergelandangan selepas bencana tersebut. Subjek 2 dan Subjek 3 menyatakan persoalan kebersihan untuk menunaikan ibadah sama ada diri mereka atau tempat tinggal. Bahkan Subjek 3 juga menyatakan terdapat masjid dan surau juga membenarkan gelandangan menggunakan kemudahan tempat ibadat.

Berdasarkan dapatan daripada temu bual dengan responden kalangan gelandangan dan FGD subjek menunjukkan bahawa aspek amalan agama dalam kalangan gelandangan muslim di lokasi kajian yang dilakukan adalah masih rendah.

Perbincangan, Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan maklum balas yang dinyatakan oleh responden kajian serta subjek yang terlibat dalam FGD menunjukkan tahap dan amalan agama dalam kalangan gelandangan masih berada pada tahap yang sederhana hingga rendah. Ada dalam kalangan responden yang menyatakan mereka memahami

atau mengetahui asas agama seperti hukum meninggalkan solat atau terlibat dengan judi, namun mereka tetap mengabaikan amalan tersebut. Pelbagai alasan yang diberikan oleh mereka untuk tidak melengkapkan amalan agama termasuk terjebak dengan aktiviti yang ditegah dalam ajaran Islam termasuk berjudi, mengambil alkohol dan tidak menjaga aurat. Kajian ini menunjukkan hasil yang sama sebagaimana kajian oleh Sharifah Mariam Alhabshi dan Alifatul Kamilah (2012). Para gelandangan turut mengakui terjebak dengan pengambilan bahan terlarang termasuk dadah.

Kajian ini juga menyokong dapatan kajian Douglas et al. (2008) yang mendapati kesejahteraan dalam aspek spiritual (*spiritual well-being*) mempunyai pengaruh dan kesan yang besar dalam kehidupan golongan gelandangan. Didapati gelandangan yang mengambil sikap tidak menitikberatkan amalan keagamaan turut memperlihatkan kecenderungan mereka untuk terlibat dalam aktiviti yang dilarang dalam ajaran Islam termasuk berjudi dan mengambil alkohol. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan juga menunjukkan mereka seolah-olah berputus asa dengan nasib yang terpaksa mereka hadapi. Keadaan ini jelas berbeza dengan hasil penyelidikan oleh Gabbard et al. (2006) dan Katie Lewis (2014) yang menunjukkan responden kajian mereka yang terdiri daripada golongan gelandangan sentiasa mempraktikkan amalan-amalan keagamaan termasuk membaca kitab suci serta sering berdoa. Perbezaan situasi ini boleh dipengaruhi oleh banyak faktor termasuk latar belakang gelandangan itu sendiri yang datang daripada keluarga yang kurang mementingkan amalan agama, desakan hidup yang tidak mendorong mereka untuk mempraktikkan aktiviti-aktiviti agama; perasaan putus asa dan pasrah dengan situasi yang dihadapi serta kurang atau tiada pihak yang mendorong mereka mempraktikkan amalan-amalan agama.

Berdasarkan kekurangan tersebut, sesiapa sahaja yang merancang untuk memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan ini perlu mengambil kira keperluan tersebut iaitu amalan keagamaan. Justeru, bagi mengatasi kekangan tersebut cadangan penambahbaikan ke atas program atau sebarang perkhidmatan kepada golongan gelandangan ini boleh diperhalusi iaitu memasukkan elemen keagamaan semasa program bersama gelandangan dilakukan. Umum mengetahui bahawa terdapat banyak pihak yang selalu tampil memberikan bantuan kepada golongan ini seperti menyediakan makanan dan keperluan asas yang lain termasuk pakaian dan barangan penjagaan diri. Aktiviti pemberian barangan ini boleh dilaksanakan di pusat ibadat seterusnya menjalankan aktiviti berbentuk kerohanian bersama mereka seperti penerangan kepada perkara-perkara asas (*fardhu ain*). Selain itu, gelandangan perlu juga didekati agar mereka mengetahui keperluan sebenar mereka selain makanan, pakaian dan keperluan penjagaan diri. Barangan seperti kelengkapan ibadat serta penjagaan kebersihan diri perlu disediakan kepada mereka. Hal ini kerana ada dalam kalangan responden yang menyatakan mereka tidak mempunyai

pakaian dan tempat yang sesuai untuk mendirikan ibadat terutamanya solat. Aktiviti perkhidmatan, bantuan dan sokongan yang dirancang kepada golongan gelandangan perlu turut melibatkan ahli agama dan institusi masjid atau surau bagi mengisi keperluan golongan gelandangan dalam aspek religiositi dan kerohanian.

Penutup

Hidup bergelandangan bukanlah alasan bagi individu Muslim untuk mengabaikan amalan fardu. Berdasarkan temu bual dengan 11 responden dalam keadaan tubuh dimamah usia tua, isu ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan amalan agama adalah bekalan untuk kehidupan akhirat. Meskipun hidup di jalanan telah menyebabkan mereka hilang kenikmatan hidup di dunia, namun kegagalan menunaikan amalan agama yang wajib bagi mereka akan menyebabkan mereka tergolong dalam kalangan yang rugi di akhirat. Justeru, pengkaji mencadangkan dalam usaha membantu gelandangan dengan sumber fizikal seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan dan sebagainya, aspek agama dan spiritual juga perlu diseimbangkan. Bagi pekerja sosial, agamawan, sukarelawan, aktivis sosial, NGO dan pihak bertanggungjawab pula perlu menekankan elemen agama dalam intervensi dan khidmat perbantuan yang dilakukan bersama-sama klien dalam kalangan gelandangan.

Rujukan

- Al Quran al Karim: *Rasm Uthmani terjemahan Bahasa Melayu berserta keterangan ayat*. (2010). Ipoh: Bumirestu Creative Sdn. Bhd.
- Averitt, S. S. (2003). "Homelessness is not a choice!" The light of homeless women with preschool children living in temporary shelters. *Journal of Family Nursing*, 9(1), 79-100.
- Azizah Othman. (2003). Konsep ibadah. Dalam Mardzelah Makhsin (Ed.) *Pendidikan Islam*. Bentong: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Berry, D. (2005). Methodological pitfalls in the study of religiosity and spirituality. *Western Journal of Nursing Research*, 21, 628-647.
- Best, R. (2010). Situation or social problem: The influence of events on media coverage of homelessness. *Social Problems*, 57(1), 74-92.
- Bhui, K., Shanahan, L., & Harding, G. (2006). Homelessness and mental illness: A literature review and a qualitative study of perceptions of the adequacy of care. *International Journal of Social Psychiatry*, 52, 152-165.
- Brush, B.L., & McGee, E.M. (2000). Evaluating the spiritual perspectives of homeless men in recovery. *Applied Nursing Research*, 13(4), 181-186. Diakses daripada <http://www.appliednursingresearch.org/article/>

- Caton, C.L., Dominguez, B., Schanzer, B., Hasin, D.S., Shrout, P.E., Felix, A., McQuiston, H., Opler, L.A., & Hsu, E. (2005). Risk factors for long-term homelessness: Findings from a longitudinal study of first-time homeless single adults. *American Journal of Public Health, 95*(10), 1753-1759.
- Cummins, L.K., First, R.J., & Tommey B.G. (1998). Comparisons of rural and urban homeless women. *Affilia Journal of Women and Social Work, 13*(4), 435+. Diakses daripada <http://go.galegroup.com.ezproxy.tcu.edu>
- Day Resource Center for the Homeless. (2014). *What we do*. Retrieved from <http://www.fwdayresourcectr.org/what-we-do>.
- Douglas, A. N., Jimenez, S., Lin, H.-J., & Frisman, L. K. (2008). Ethnic differences in the effects of spiritual well-being on long-term psychological and behavioral outcomes within a sample of homeless women. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology, 14*, 344-352.
- Fertig, A. R., & Reingold, D. A. (2008). Homelessness among at-risk families with children in twenty American cities. *Social Service Review, 82*, 485-510.
- Gabbard, W.J., Nelson-Gardell, D., Miller, K.M., & Chamiec-Case, R. (2006) Spirituality and religiosity among homeless individuals: A preliminary investigation. *Arete, 30*(1), 150-162. Diakses daripada <http://web.ebscohost.com.ezproxy.tcu.edu/ehost/>
- Greene, J.A., Ball, K., Belcher, J.R., & McAlpine, C., (2003). Substance abuse, homelessness, developmental decision-making, and spirituality: A women's health issue. *Journal of Social Work Practice in the Addictions, 3*(1), 39-53. Diakses daripada <http://web.ebscohost.com.ezproxy.tcu.edu/ehost/>
- Hodge, D.R., Moser, S.E., & Shafer, M.S. (2012). Spirituality and mental health among homeless mothers. *Social Work Research, 36*(4). Diakses daripada <http://go.galegroup.com/ps/>
- HUD. (2010). Federal Definition of Homeless. Dicapai pada February 18, 2010. Diakses daripada [http:// portal .hud.gov/portal/page/portal/ HUD/topics/homelessness/definition](http://portal.hud.gov/portal/page/portal/HUD/topics/homelessness/definition).
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. (2017). Diakses daripada <http://jtksm.mohr.gov.my/index.php/my/>.
- Katie Lewis. (2014). *Amazing faith: spirituality, hope, and resilience in the lives of homeless females in fort worth*. Departmental Honors in the Department of Social Work Texas Christian University Fort Worth, Texas.
- Kushel, M.B., Evans, J.L., Perry, S., Robertson, M.J., & Moses, A.R. (2003). No door to lock: victimization among homeless and marginally housed persons. *JAMA Internal Medicine, 163*(20). Diakses daripada <http://archinte.jamanetwork.com/article.aspx?articleid=216287>

- Morrell-Bellai, T., Goaring, P., & Kathetrina, B. (2000). Becoming and remaining homeless: A qualitative investigation. *Journal Issues in Mental Health Nursing*, 21(6), 581-604.
- Moxley, D., & Freddolino, P. (1991). Needs of homeless people coping with psychiatric problems: Findings from an innovative advocacy project. *Health and Social Work*, 16(1), 19-26.
- Sharifah Mariam Alhabshi & Alifatul Kamilah Abdul Manan. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A case of agenda denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1 (2).
- Washington, O. G. M., & Moxley, D. P. (2001). The use of prayer in group work with African American women recovering from chemical dependency. *Families in Society: The Journal of Contemporary Human Services.*, 82(1), 49-59.
- Washington, O.G.M., Moxle, D.P., Garriott, L., & Weinberger, J.P. (2009). Five dimensions of faith and spirituality of older African American women transitioning out of homelessness. *Journal of Religion and Health*, 48, 431.